

**CABARAN PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH PEDALAMAN:  
BERSEDIAKAH DALAM MELAKSANAKAN KBAT?**

\***Mohd Zaidi Bin Haji Mohd Zeki  
Ahmad Zabidi Bin Abdul Razak  
Rafiza Abd. Razak**

Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

\*zaidium82@gmail.com

**Abstract:** The teaching of Islamic Education teachers aims to enhance knowledge and improve people's lives to achieve worldly well-being. In order to build the student's personality as a knowledgeable caliph, the role of Islamic Education teachers should be pursued to meet the goals of Islamic Education especially in the interior. Thus a study on the challenges of teaching Islamic Education teachers was conducted using exploratory qualitative approaches using case study design. The study involved two study participants selected purposefully and conducted at different study sites to explore the challenges of teacher education. The findings show that the challenge of teaching Islamic Education teachers in the interior is the lack of facilities and infrastructure such as prayer rooms and religious rooms. In addition, poor student exposure in exotic schools, lack of religious appreciation and basic weaknesses of the Quran are the challenges of teaching Islamic Education teachers in the interior. This study also found that the problem of less and less varied fuel was a challenge for teacher teaching in the context of this study.

*Keywords:* Teacher teaching, Islamic education, Rural School, HOTS

## PENGENALAN

Pendidikan di Malaysia sentiasa mengalami transformasi. Sejajar dengan perkembangan semasa, Hussein Ahmad dan Mohammed Sani (2016), Halim Ariffin (2013), Simin Ghavifekr, Sufean Hussin, Muhammad Faizal (2011) dan Sufean Hussin (2002) berpendapat bahawa transformasi yang berlaku dalam sistem pendidik mencorak kepada pembangunan kemanusiaan untuk menjadikan rakyat Malaysia bertaraf global (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017a, 2017b, 2017c, 2017d). Sesuai dengan tuntutan tersebut, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013) dijadikan sebagai agenda pendidikan terbaharu dalam mencorak pendidikan murid selari dengan pendidikan abad ke-21 (PAK21) (Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani Hussin, 2017; Abdul Halim, Dayana Farzeha, Mahani Mokhtar dan Umar Haiyat, 2017; Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad, 2017).

Berdasarkan pelan terbaharu ini, tujuan transformasi pendidikan dilaksanakan supaya mencapai wawasan pendidikan selari dengan pendidikan (PAK21) agar dapat mencorak kemenjadian murid secara holistik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018, 2013; Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah, 2017; Hussein Ahmad dan Mohammed Sani, 2016; Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014a). Hal ini kerana kemenjadian murid secara holistik diharap dapat memenuhi Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang supaya rakyat Malaysia yang lahir daripada sistem pendidikan negara seimbang dari segi JERIS (Jasmani, Rohani, Intelek dan Sosial) serta mampu membudayakan pendidikan seumur hidup (Razila Kasmin, Mohd Faiz, Noraizan Mohsin, Norliza Kila dan Mashita Abu Hassan, 2019; Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis dan Mohd Aderi Che Noh, 2018).

Dalam konteks menjayakan hasrat ini, semua guru disaran agar berusaha menghasilkan PdPC yang bersifat memenuhi keperluan PAK21 seperti KBAT (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2018; Rajendran, 2017; Hussein Ahmad, 2016; Abu Bakar Nordin, 2016). Justeru guru Pendidikan Islam turut disaran berada dalam transformasi pendidikan yang mengutamakan kemahiran berfikir dalam PdPC (Ab. Halim Tamuri, 2016; Siti Aminah, 2016). Oleh demikian, guru Pendidikan Islam mempunyai tanggungjawab besar dalam merealisasikan transformasi pendidikan. Hal ini kerana, tugas guru Pendidikan Islam sebagai pengajar dan pelaksana kurikulum dilihat sebagai pemangkin terhadap pembangunan pendidikan kepada murid (Kamarul Azmi dan Ab. Halim, 2007) terutama dalam pembangunan akal. Malah Ibrahim Hashim dan Misnan Jemali (2017), Fadhilah Razali, Nurashimah dan Rafisah Osman (2017) serta Mohd Aderi, Mohd Talhah dan Engku Zarianah (2017) menyifatkan guru Pendidikan Islam bertanggungjawab menterjemah kurikulum dengan pelbagai pendekatan, teknik dan amalan yang melengkapi strategi pengajaran guru yang berkesan

bagi merkayaskan pembangunan kemahiran berfikir di kalangan murid. Maka melaksanakan tanggungjawab dan amanah sebagai pendidik yang berkhidmat di bandar atau pedalaman perlu dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam dengan sempurna.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

Bagi membina kemenjadian murid secara holistik, maka proses pembentukan bagi melahirkan generasi yang mampu meneruskan kegemilangan tamadun manusia dapat dilaksanakan melalui pendidikan secara konsisten (Zakaria Abdullah dan Kamarul Azmi Jasmi, 2018; Zulkiple Abd Ghani, Noor Azizi dan Adnan Mohd. Yusof, 2016). Justeru dasar PPPM meletakkan tanggungjawab guru sama ada di bandar, luar bandar dan pedalaman (Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Mohammad Zohir Ahmad 2017; Hazri Jamil, Rohani Arbaa dan Mohammad Zohir Ahmad, 2017; Mohd Zaidi, Nurulaini dan Samsul Juwait, 2017; Sufean Hussin, 2014 Inkeles dan Smith, 1974) dapat memastikan pendidikan kawasan kurang beruntung (Sufean Hussin, 2016) berjaya dilaksanakan.

Usaha bagi membangunkan pendidikan di pedalaman bukan usaha yang baharu. Usaha ini telah dilaksanakan dalam sistem pendidikan negara melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010 dengan usaha meningkatkan kemudahan di sekolah pedalaman. Pelaksanaan ini dilakukan sehingga sekarang memandangkan perbezaan pelbagai faktor seperti kemudahan, keselesaan dan kelengkapan pendidikan (Mohd Zaidi, Nurulaini dan Samsul Juwait, 2017; Abd Hadi, 2016) bagi menyeimbangi pendidikan antara bandar dan pedalaman. Maka untuk ciri-ciri pedalaman yang berbeza dengan bandar boleh dirujuk berdasarkan maklumat berjadual berikut:

**KLASIFIKASI KATEGORI PEDALAMAN SEKOLAH DI MALAYSIA**

BIL	KRITERIA	CIRI-CIRI PEDALAMAN	PEDALAMAN SATU	PEDALAMAN DUA	PEDALAMAN TIGA
1	Bil. mod pengangkutan	Satu mod pengangkutan sahaja dan kos perjalanan rendah (biasanya di bawah RM50 serta jarak dari bandar terdekat kurang dari 70KM)	Dua mod pengangkutan, boleh juga satu mod tetapi kos perjalanan sehala adalah mahal (lebih RM100 serta jarak dari bandar terdekat juga boleh menentukan faktor (lebih dari 70KM tetapi kurang 100KM)	Dua mod pengangkutan, boleh juga satu mod tetapi kos perjalanan sehala adalah mahal (lebih RM100 serta jarak dari bandar terdekat juga boleh menentukan faktor (lebih dari 70KM tetapi kurang 100KM)	Tiga atau lebih mod pengangkutan sahaja dan kos perjalanan tinggi (melebihi RM150). Boleh juga 1 atau 2 mod tetapi kos perjalanan adalah luar biasa tinggi. Jarak dari bandar terdekat adalah lebih dari 100KM tetapi mungkin kurang jika menggunakan jalan balak atau denai.
2	Risiko perjalanan	Satu atau dua risiko perjalanan seperti curam/runtuh/ licin	Dua risiko perjalanan seperti banjir/jeram	Dua risiko perjalanan seperti banjir/jeram	Lebih dari tiga risiko seperti ombak besar/ binatang/lanun
3	Bekalan elektrik	Bekalan 24 jam atau 12 jam (awam/swasta)	Bekalan 12 jam (awam/swasta) atau janakuasa	Bekalan 12 jam (awam/swasta) atau janakuasa	Janakuasa atau kuasa solar atau tiada langsung bekalan
4	Kediaman	Kuaters ikut pelan atau standard	Kuaters gotong-royong atau substandard	Kuaters gotong-royong atau substandard	Kuaters ubah suai atau tiada kuaters
5	Sanitasi	Tandas moden/ curah	Tandas curah	Tandas curah	Tandas lubang/tepi sungai
6	Telekomunikasi	Telefon tetap/ selular/amatur/ internet	Telefon satelit/sistem ATUR (Automatic Telephone Using Radio)	Telefon satelit/sistem ATUR (Automatic Telephone Using Radio)	Sistem ATUR (Automatic Telephone Using Radio) atau tiada kemudahan perhubungan.
7	Perkhidmatan kesihatan	Klinik Desa/ Klinik Bergerak/ Flying Doctor	Klinik Desa/ Klinik Bergerak/ Flying Doctor	Klinik Desa/ Klinik Bergerak/ Flying Doctor	Tiada perkhidmatan
8	Kemudahan lain	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadah	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadah	Ada salah satu kemudahan seperti bank/pejabat pos/tempat ibadah	Tiada langsung kemudahan awam
9	Bekalan air	Bekalan air awam/pancur graviti/perigi tiub/air sungai	Pancur graviti/perigi tiub/air sungai	Pancur graviti/perigi tiub/air sungai	Air sungai/air hujan

*Sumber: Surat Siaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2017; Pemakluman Keputusan Kategori Pedalaman Sekolah Berhubung Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesukaran (EKMLTK) bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan dan Anggota Kumpulan sambungan: Pelaksana di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang Berkhidmat di Sekolah Pedalaman.*

Berdasarkan jadual maklumat, dapat diketahui bahawa klasifikasi antara sekolah pedalaman 1 (P1), pedalaman 2 (P2) dan pedalaman 3 (P3) menunjukkan jurang antara sekolah pedalaman dan sekolah di bandar. Oleh demikian, wujud satu keperluan kajian dalam pendidikan semasa untuk dilaksanakan penerokaan secara lebih mendalam berkaitan cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman.

## PENYATAAN MASALAH

Setelah pelbagai usaha dilakukan oleh pihak kerajaan bagi mempertingkatkan pendidikan di pedalaman seperti yang diusahakan melalui PIPP (2006-2010), harapan yang tinggi diletakkan kepada guru-guru di pedalaman khusus kepada guru Pendidikan Islam. Guru-guru diharapkan mampu menjadikan amalan PdPc sebagai pelengkap kepada pendidikan yang diperlukan oleh murid di pedalaman (Mohd Zaidi et al., 2017; Mohd Zaidi, 2016; Mohd Zaidi, Mohd Faisal dan Nurulaini, 2014) bagi membolehkan murid bijak berfikir dalam menyelesaikan masalah, membuat penaakulan dan kreatif serta inovatif (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014) sesuai dengan keperluan PAK21. Amalan PdPc guru Pendidikan Islam yang berkesan diharap menjadikan pembelajaran murid di pedalaman menyeronokkan, menambahkan minat mereka terhadap subjek (Mohd Zaidi, 2016) seterusnya watak mulia dan berperibadi tinggi serta menyumbang kepada sekeliling (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2014). Persoalan timbul apabila Laporan Penaziran Penuh di Sekolah Menengah Pedalaman X oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Sabah (JNJKS) pada tahun 2016 yang diperbincangkan semula bersama jawatankuasa kurikulum sekolah yang menyatakan PdPc Pendidikan Islam sekolah pedalaman tersebut berada pada tahap “harapan”. Dalam laporan yang sama, guru Pendidikan Islam yang berkhidmat di sekolah pedalaman turut dilaporkan kurang menggunakan alat berfikir dan Bahan Bantu Mengajar (BBM) semasa PdPc bagi membantu murid berfikir serta menguasai tajuk yang diajar dengan lebih praktikal sedangkan Bahagian Pembangunan Kurikulum (2014) menyarankan strategi berfikir menggunakan alat berfikir yang sesuai. Hal ini bertentangan dengan kajian Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017) yang menyatakan bahawa penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM) mendatangkan hasil positif terhadap pembelajaran murid.

Berbalik kepada laporan JNJK yang dinyatakan sebelum ini, panitia Sekolah Pedalaman X tersebut juga didapati tidak menggunakan sumber kewangan panitia bagi membeli keperluan PdPc dan BBM dengan proaktif. Kajian Mohd Zaidi dan Nurulaini (2017), Mohd Zaidi, Mohd Faisal dan Nurulaini (2016), Mohd Zaidi (2016) dan Mohd Zaidi dan Mohd Faisal (2014) turut memaklumkan terdapat sekolah pedalaman yang dikaji mengalami permasalahan berpunca daripada pengurusan kewangan yang kurang stabil iaitu (1) sumber Pendidikan Islam yang kurang pelbagai, (2) kekurangan sumber pendidikan untuk digunakan oleh murid semasa PdPc.

Maka berdasarkan perbincangan penyataan masalah berkaitan amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman, satu kajian berkaitan cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam secara penerokaan mendalam perlu dilaksanakan dalam konteks pendidikan semasa. Memandangkan pelaksanaan KBAT adalah menyeluruh di semua peringkat pendidikan seperti yang dinyatakan oleh Anida Sarudin, Husna Faredza, Adenan Ayob dan Zuraini Ramli (2018)., maka kajian berkaitan cabaran (Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam, 2018) di sekolah pedalaman perlu dilihat supaya transformasi pendidikan melibatkan KBAT dapat diusahakan dengan baik.

## TUJUAN KAJIAN

Berdasarkan kajian, maka pengkaji ingin melakukan penerokaan kajian berkaitan cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman. Oleh demikian, pengkaji berharap dengan pelaksanaan kajian berdasarkan tujuan kajian dapat menghurai mengenai cabaran yang dihadapi oleh guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman dan seterusnya kajian lanjutan dapat dilakukan oleh pelbagai pihak supaya pendidikan berkualiti terus diimplimentasi dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bagi memenuhi keperluan kaji, pengkaji meletakkan objektif utama kajian iaitu:

(1) Apakah bentuk cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman?

## BATASAN KAJIAN

Kajian ini dijalankan hanya kepada guru Pendidikan Islam yang mengajar di sekolah menengah yang dijadikan sebagai peserta kajian. Peserta kajian yang dipilih pula merupakan guru Pendidikan Islam yang telah berkhidmat di sekolah

pedalaman melebihi setahun dan telah disahkan dalam perkhidmatan. Sekolah pedalaman yang terlibat adalah dua buah sekolah iaitu Pedalaman Satu (P1) dan Pedalaman Dua (P2).

Selain itu, kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan kajian kes. Oleh demikian, dapatan kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada umum namun kajian ini masih boleh dijadikan sebagai rujukan terutama dalam mengetahui cabaran yang berlaku dalam persekitaran pendidikan di kawasan pedalaman. Di samping itu, kajian ini juga dilaksanakan dengan penumpuan terhadap sekolah pedalaman dan bukan sekolah kategori luar bandar atau sekolah Orang Asli seperti yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Hal ini kerana, sekolah pedalaman dalam kajian ini merujuk kepada sekolah pedalaman yang terdapat di negeri Sabah dan mendapat kelayakan rasmi untuk diklasifikasikan sebagai sekolah pedalaman berdasarkan *EKMLTK*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes dan pengumpulan data dilakukan secara triangulasi. Proses pengumpulan maklumat dan penganalisisan data dijalankan berlaku serentak, saling menjalin dan tidak terputus (Merriam,2001; Strauss & Corbin,1990) serta data mencapai kemuncak setelah peringkat pengutipan data terakhir (Merriam,1998). Kajian kes dijalankan oleh pengkaji kerana minat untuk mengetahui dengan lebih mendalam, membuat interpretasi serta mendapat pemahaman yang mudah mengenai pengalaman guru Pendidikan Islam berhadapan cabaran pengajaran di sekolah pedalaman. Selain itu, rasional pemilihan penyelidikan kualitatif ini adalah untuk menambahkan pengetahuan, memahami tingkah laku dengan lebih komprehensif dan pengalaman peserta kajian (Bogdan & Biklen,1998) yang dipilih secara bertujuan.

Dalam kajian ini, tiga kaedah pengumpulan data digunakan oleh pengkaji iaitu temu bual, pemerhatian tanpa penyertaan dan penganalisisan dokumen-dokumen yang berkaitan. Kaedah utama yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual tidak berstruktur menggunakan set protokol temu bual. Set protokol yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian ini telah disahkan oleh pakar pendidikan iaitu dua orang pensyarah Pendidikan Islam di Universiti Malaya khusus berkaitan kandungan dan penggunaan bahasa. Set protokol ini dibina oleh pengkaji memperolehi data bertujuan memahami pengalaman peserta kajian dan makna yang diberikan terhadap pengalaman mereka (Patton,1990). Kajian di lapangan dalam kajian ini telah menggunakan temu bual bermula 2014 dan dijalankan secara berjadual disebarluaskan kajian ini dilaksanakan di dua kawasan pedalaman yang berbeza di negeri Sabah. Antara tarikh temu bual yang dijalankan ialah 30/11/2014, 21/2/2015 dan 7/3/2015.

Pemerhatian tanpa penyertaan turut dilakukan di seluruh kawasan sekolah menggunakan protokol pemerhatian dan kerja lapangan yang melibatkan peserta kajian. Sehubungan itu, pemerhatian yang digunakan dalam kajian ini berbentuk *non-participant observation* yang membolehkan pengkaji memisahkan diri dari apa yang berlaku (Aini Hassan, 2001) dan mengurangkan bias kajian dengan menggunakan senarai semak. Catatan lapangan disimpan secara sistematis di dalam fail meja. Dalam proses menganalisis data yang diperolehi, tiga kaedah analisis dan penyaringan data yang dicadangkan oleh Miles dan Hubberman (1984) dijadikan panduan iaitu membuat ringkasan, membuat catatan refleksi dan membuat catatan memo.

Pemeriksaan dokumen seperti Buku Rekod Mengajar guru, fail panitia, minit mesyuarat, fail peribadi guru dan murid, rekod-rekod ujian dan peperiksaan murid, peta dan sijil-sijil berkaitan akan diperiksa oleh pengkaji dan dijadikan sebagai kaedah pengumpulan data. Borang yang digunakan untuk mencatat serta menyaring maklumat dan data hasil pemeriksaan dokumen dicatat menggunakan format protokol pemerhatian dan disimpan dalam fail khas yang turut dijadikan sebagai kesahan dan kebolehpercayaan kajian.

## DAPATAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian iaitu “Apakah bentuk cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman?” pengkaji telah melaksanakan pengumpulan data secara terperinci. Hasil daripada pengumpulan data, pengkaji menganalisis data menggunakan protokol triangulasi sehingga menghasilkan tema-tema kajian yang diperincikan seperti di bawah:

### ***Kekurangan kemudahan dan infrastruktur***

Kemudahan dan infrastruktur di sekolah memainkan peranan yang penting terhadap pembangunan pendidikan khususnya pengajaran dalam pembelajaran di sekolah. Semasa pengkaji menjalankan kajian lapangan di sekolah pedalaman, pengkaji mendapat kemudahan dan infrastruktur sekolah berada dalam tahap sederhana. Walaupun kedua-

dua sekolah dapat melangsungkan PdPC Pendidikan Islam dengan baik namun kelengkapan yang kurang sempurna boleh menyebabkan permasalahan dalam pengajaran guru.

### Bilik Agama

Di lokasi kajian dikedua-dua sekolah, pengkaji mendapati bahawa bilik agama yang sedia ada tidak dapat menampung jumlah keseluruhan murid yang ramai. Apabila kurang selesa, murid di dalam bilik agama kurang memberikan tumpuan sepenuhnya terhadap PdPC. Oleh kerana murid terlalu dekat dengan dinding misalnya, murid lelaki di sekolah P2 suka menyandar dan tidak fokus terhadap pengajaran guru. Pengkaji kerap melihat murid lelaki di sekolah P2 menconteng dinding menggunakan pensel semasa guru sedang menyampaikan pengajaran. Keluasan bilik agama di sekolah P1 yang terhad turut menyebabkan murid mudah mengganggu murid lain menyebabkan fokus murid terhadap pengajaran guru kurang berhasil. Ustaz Y mengakui:

*“....kelas ada tapi kecik. Nak mengajaq pun kita rasa sempit”. TB1UY36P1.*

Masalah bertambah rumit apabila waktu untuk pengajaran Pendidikan Islam antara tingkatan bertembung. Keadaan ini menyebabkan PdPC terganggu. Ustaz Y menegaskan dalam temu bual:

*“Sekolah ni memang tak ada kelas khas. Masalah ustaz kalua bertembung kelas”. TB1UY07P1.*

*“....terpaksa salah kelas satu lagi pergi cari mana-mana bilik yang tak diguna”. TB1UZ37P2.*

Cabarannya daripada pertembungan jadual yang berpunca daripada penggunaan bilik agama yang sama menyebabkan salah satu tingkatan beralih dan berpindah ke ruang lain. Pemerhatian pengkaji mendapati terdapat satu kes di sekolah P2 terpaksa mencari-cari bilik yang kosong dan kegagalan mendapatkan bilik berlaku kerana penjadualan kurang sistematis. Keadaan ini menyebabkan konsep menyelamatkan masa instruksional kurang berkesan dalam sistem pendidikan.

Pengkaji berpendapat bahawa ketiadaan kelas agama yang lengkap dan kekal ini menyebabkan banyak halangan kepada proses PdPC. Contohnya semua hasil tugas seperti pembentangan dan perbincangan wajar ditampal dan dipamerkan di dalam bilik agama. Namun keadaan ini tidak dapat dilaksanakan kerana ruang bilik agama yang minimum. Guru juga tidak dapat melaksanakan PdPC aktif yang memerlukan pergerakan dan tempat yang luas. Situasi ini dilihat oleh pengkaji sebagai ketidakselesaan guru dan murid dalam menjalankan aktiviti pembentangan. Ustaz Z menyatakan: *“Bilik pun sempit, jadi untuk tampal kerja murid tak dapat. Ruang tak cukup....”*. TB1UZ40P2.

Bilik agama yang sedia ada juga banyak mendorong cabaran PdPC. Di sekolah P1, disebabkan ruangan bilik yang sempit dan kurang pencahayaan, murid belajar dalam keadaan yang kurang kondusif. Disebabkan kurang cahaya menyebabkan ruangan belajar kelihatan suram. Fokus PdPC terganggu disebabkan faktor ini. Antara masalah lain berlaku berpunca meja khas kepada guru untuk meletakkan buku dan barang peribadi amat terhad. Murid juga terpaksa menoleh dan memusingkan badan sekiranya hendak melihat pergerakan guru. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, situasi dapat dijelaskan apabila guru menggunakan BBM yang menggunakan elektrik, murid akan memusingkan badan menghadap ke arah guru kerana bekalan elektrik hanya terletak di tertentu bilik agama. Terdapat bekalan elektrik di hadapan bilik agama tetapi tidak berfungsi sepenuhnya dan semua perkara ini menjelaskan ketidaksesuaian pengajaran guru apabila kemudahan sekolah kurang memberangsangkan.

Di sekolah P2, masalah bilik agama yang tidak kondusif mendorong masalah khusus pengajaran guru ketika sesi PdPC. Disebabkan tiada kelas khas, bilik agama yang kecil memudahkan murid berasa tidak selesa kerana terlalu sejuk berpunca daripada penyaman udara. Pemerhatian pengkaji mendapati Ustaz Z terpaksa menaikkan suhu penyaman udara kerana murid kesejukan dan menggeletar ketika penyaman udara difungsikan. Pada sesi akhir persekolahan dan ketiadaan bekalan elektrik, masalah pengulangan haba panas berlaku memaksa guru dan murid membuka pintu dan tingkap. Kesan daripada tindakan membuka tingkap menyebabkan fokus murid terhadap pengajaran guru terganggu. Pemerhatian pengkaji menunjukkan murid lelaki bukan sahaja membuka butang baju dan melonggarkan serta menanggalkan tali leher apabila situasi panas berlaku. Malah lebih serius cabaran berlaku kepada guru apabila murid kurang fokus terhadap pengajaran guru malah memandang rakan kelas sebelah dan murid yang melintasi bilik agama. Pengkaji dapat memerhatikan murid perempuan turut menyelakkan tudung akibat kepanasan kerana sistem pengudaraan bilik yang tidak kondusif ini. Maka secara tidak langsung masalah pendedahan aurat berlaku ketika sesi PdPC berlangsung.

Keadaan tidak kondusif di sekolah pedalaman turut dilihat pada kedudukan belajar murid yang duduk di lantai menggunakan ‘meja jepun’ (P1) ketika sesi PdPC. Masalah timbul apabila peserta kajian hendak menggunakan bekalan elektrik di dalam bilik agama. Keadaan ini tidak sesuai dengan pengajaran guru apabila menggunakan teknologi

maklumat seperti komputer kerana suis elektrik tidak berada di depan bilik agama. Suis yang berada di hadapan bilik agama pula tidak berfungsi sepenuhnya. Justeru antara tindakan dan penyelesaian yang diambil oleh peserta kajian di sekolah P1 dengan menyambung elektrik menggunakan penyambung wayar bagi memfungsikan persekitaran PdPC kondusif. Ustaz Y juga kelihatan mengecas komputer riba lebih awal supaya persediaan mengajar memudahkan PdPC. Ustaz Y menjelaskan dalam temu bual:

“....saya cas dulu laptop saya kat bilik guru penuh-penuh”. TB3UY14P1.

Pengkaji telah melakukan penganalisisan dokumen terhadap bilik dan kelas di kedua-lokasi kajian. Dokumen yang digunakan adalah data EMIS (*Education Management Information System*) dan dokumen inventori sekolah. Dokumen tersebut diperolehi daripada guru data sekolah yang bertauliah. Maklumat yang diperolehi daripada data tersebut mendapati bahawa kedua-dua sekolah tidak memperuntukkan kelas khas untuk PdPC Pendidikan Islam. Kedua-dua lokasi kajian menggantikan kelas dengan bilik khas untuk murid belajar Pendidikan Islam yang mempunyai ruang yang kurang selesa berbanding kelas sebenar.

Pada mesyuarat pentadbiran di lokasi P2 bil. 1/2014, pihak pengurusan sekolah telah membuat keputusan bilik agama yang sedia ada dijadikan bilik guru pra-universiti yang baharu. Bilik baharu untuk menggantikan bilik agama yang diambil oleh pentadbiran pra-universiti ialah sebuah bilik stor lama yang telah diubahsuai yang terletak di tingkat tiga bangunan yang sama. Kedudukan bilik ini lebih sempit, kecil dan suram berbanding bilik agama yang telah diambil oleh guru tingkatan enam. Namun rekod inventori asal seperti kerusi, meja guru, papan tulis dan papan kenyataan masih kekal. Ini kerana barang tersebut tidak dibeli baru tetapi hanya dipindahkan ke kedudukan di ruang baharu. Keadaan menimbulkan permasalahan pengajaran guru kerana tempat mengajar guru di bilik agama tidak menyelesaikan masalah PdPC seperti menghadkan aktiviti PdPC seperti pembentangan dan pengdaraan pengguna bilik tersebut.

### ***Surau***

Keadaan kurang sempurna melibatkan infrastruktur sekolah jika dilihat kepada bangunan surau di lokasi kajian. Di sekolah P1 dan P2, tempat berwudhuk yang sedia ada bersifat terbuka. Tempat berwudhuk tersebut tidak mempunyai dinding dan berpenutup. Ini merumitkan guru agama di sekolah P2 untuk mengajak murid asrama menuaikan solat secara berjemaah kerana murid memberikan alasan kemudahan berwudhuk yang kurang sempurna. Murid perempuan kelihatan mengambil wudhuk di tempat tersebut secara terbuka dan mudah dilihat oleh murid lelaki dan warga sekolah yang lalu-lalang di kawasan wudhuk. Ustaz Z menyatakan:

“Tiada tempat wudhuk untuk perempuan....jadi susah la (memandang ke lantai)”. TB1UZ35P2.

Ustaz Y turut berpenadangan perkara yang sama dalam temu bual iaitu:

“....pelajaq perempuan nie ambik ayaq (air) sembahyang kat tempat terbukak ....tak sesuai sebab aurat terdedah dan pelajaq lelaki perhati ja”. TB1UY34P1.

Kedudukan surau di sekolah P1 juga kurang strategik. Hal ini kerana kedudukan surau tersebut bersebelahan dengan perpustakaan menyebabkan aktiviti yang berlangsung di perpustakaan kedengaran hingga ke surau. Keadaan lebih mencabar apabila murid berlari-lari di perpustakaan menyebabkan bunyi tersebut bergema sehingga ke surau di sekolah P1. Ini berpuncu daripada keseluruhan lantai sekolah di bangunan tersebut diperbuat dari kayu menyebabkan bunyi hentakan kaki yang kuat kedengaran. Keadaan menjadi lebih kritikal apabila hujan membasahi bagunan sekolah. Ini kerana, disebabkan kedudukan surau terletak di hujung bangunan, tempias dari hujan menyebabkan kelembapan surau yang akhirnya membentuk kulapuk. Pengkaji juga mendapati pintu utama surau di sekolah P1 mereput dan air bertakung di bawah tikar getah. Situasi ini menimbulkan kesan bau yang kurang menyenangkan dan murid tidak berasa selesa untuk menggunakan kemudahan surau

Pengkaji turut menjalankan pemerhatian terhadap kemudahan surau di sekolah P2 yang menampakkan kemudahan tersebut kurang berkesan terhadap PdPC. Pengkaji mendapati kedudukan surau yang jauh dari kawasan sekolah. Perkara ini menjadi alasan mengapa guru tidak menggunakan surau sebagai salah satu kemudahan PdPC. Ustaz Z menyatakan menegaskan:

“Surau jauh sangat ustaz. Nak pegi sana dah ambik masa...”. TB1UZ07P2.

Infrastruktur di dalam surau yang kurang selamat seperti bumbung dan pintu surau yang reput menjadikan surau di sekolah S2 ini tidak berfungsi sepenuhnya. Surau digunakan oleh warga sekolah hanya untuk solat dan pelaksanaan aktiviti bercorak keagamaan semata-mata seperti program Ihya Ramadhan.

Keadaan surau di sekolah P2 turut mendorong kesulitan kepada guru dan murid untuk dijadikan kemudahan PdPC. Hal ini kerana, surau di sekolah ini sudah mula rosak dan tidak dipulihkan seperti bumbung. Keadaan syiling di dalam surau juga membahaya dan boleh mendorong kemudaran kepada pengguna. Ini kerana syiling surau tersebut rosak dan berlubang-lubang kerana ditembus oleh sejenis burung berwarna hitam dan bermata merah seperti burung gagak yang kecil. Najis burung tersebut juga berselerak di kawasan syiling yang dirosakkan oleh burung tersebut yang dijadikan tempat habitat burung tersebut. Pengkaji juga kerap melihat anjing liar berkeliaran di kawasan surau. Hal ini berpunca kerana pagar yang menutupi kawasan surau berlubang-lubang dan berkarat. Walaupun terdapat usaha pihak sekolah P2 dan murid asrama memperbaiki pagar tersebut, permasalahan ini tetap berulang seolah-olah disengajakan oleh individu yang kurang bertanggungjawab. Hal ini turut diperincangkan di peringkat pentadbiran sekolah namun masih kurang intervensi dilihat oleh pengkaji untuk diselesaikan permasalahan ini.

Analisis dokumen yang dijalankan oleh pengkaji di sekolah P1 dan P2 mendapati kemudahan dan infrastruktur sekolah khusus untuk subjek Pendidikan Islam masih kurang memberangsangkan. Pengkaji mendapati rekod inventori yang disimpan dalam fail panitia dan di tampil di dinding bilik agama lebih sedikit berbanding bilik-bilik khas yang lain. Berbanding perpustakaan, bilik mesyuarat, bengkel dan makmal, inventori surau sekolah jauh ketinggalan. Ini berpunca daripada enrolmen murid Islam yang minority di kedua lokasi kajian. Di sekolah P2, peruntukan surau diletakkan di bawah pengurusan asrama. Peserta kajian P2 menegaskan bahawa surau tersebut dibina di bawah pembiayaan Bank Dunia dan diletakkan di bawah peruntukan asrama. Keadaan ini menyebabkan peruntukan untuk kemudahan surau sangat sedikit. Lebih menyedihkan, di bangunan utama sekolah tidak ada kemudahan surau untuk kegunaan warga sekolah dan juga pelawat. Ustaz Z menjelaskan:

*"Kalau ada pelawat, terpaksa mereka pegi ke asrama. Hanya di sana ada kemudahan solat". TB3UZ14P2.*

### **Kurang Pendedahan Awal**

Antara cabaran amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di pedalaman adalah murid berhadapan pendedahan awal yang sempurna. Pendedahan awal merupakan asas kepada murid bagi memperkembangkan potensi tersebut di peringkat pendidikan yang lebih tinggi. Pendedahan berfokuskan kurang pendedahan awal ini akan dibincangkan melalui tiga konteks berbeza iaitu (1) kurang pendedahan Pendidikan Islam di sekolah rendah, (2) kurang penghayatan agama dan (3) kurang asas kemahiran Al-Quran yang lengkap.

### **Kurang Pendedahan Pendidikan Islam di Sekolah Rendah**

Pengkaji menjalankan perhatian terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam dan mendapati permasalahan yang timbul di Sekolah P1 dan P2 berpunca dari pendedahan awal yang lemah. Hal ini berpunca kelemahan yang berlaku ketika murid masih di sekolah rendah. Kurang pendedahan awal dalam kalangan murid ini menyebabkan penguasaan murid terhadap subjek Pendidikan Islam mengecewakan terutama di peringkat sekolah menengah. Ustaz Y menegaskan: *".....bila pelajaq dari sekolah rendah tak belajaq ngaji (mengaji), masuk sekolah menengah kita la kena ulang balik". TB1UY12P1.*

Keadaan menjadi lebih mencabar kepada Ustaz Y apabila terpaksa mengajar kembali ilmu dan kemahiran asas seperti rukun Islam dan rukun iman. Kesabaran guru teruji apabila murid tidak mampu menjawab soalan yang ditanya oleh guru seperti kiraan waktu solat dalam sehari. Perkara ini berkait rapat dengan maksud Pendidikan Islam oleh Ustaz Z: *"Subjek Pendidikan Islam ni menerapkan ape ni....asas-asas tilawah al-Quran....asas-asas Hadiths....Ulum Syariah iaitu akidah, akhlak dan sirah Nabi Muhammad". TB1UZ19P2.*

Semakan dokumen yang diperoleh dari bahagian Pendidikan Islam, Pejabat Pendidikan Daerah lokasi kajian mendapati kebenaran yang dinyatakan oleh kedua-dua peserta kajian adalah benar. Menurut data yang diperolehi daripada jabatan berkenaan, tahun 2014 sekolah rendah di bahagian lokasi kajian mempunyai masalah penempatan guru agama baharu. Empat daripada lima sekolah rendah di zon sekolah P2 tidak mempunyai guru Pendidikan Islam. Situasi hampir sama turut berlaku di sekolah P1.

Pengkaji juga melakukan semakan dokumen melalui buku kehadiran dan enrolmen murid di sekolah P2 secara berkala. Pengkaji turut mendapati enrolmen yang disediakan oleh Panitia Pendidikan Islam di sekolah tersebut kurang memuaskan. Pengkaji turut mendapati bahawa laporan markah Pendidikan Islam lengkap di sekolah rendah hanya dilengkapkan oleh sebuah sekolah sekolah sahaja manakala empat lagi sekolah tidak mempunyai sebarang maklumat secara lengkap dan tepat.

Pengkaji berpendapat, kesan pengajaran guru di dalam bilik agama berpunca daripada pendedahan yang kurang di peringkat awal murid di sekolah rendah ialah guru terpaksa mengulang perkara-perkara asas yang sama secara berulang kali. Perkara ini menyebabkan murid yang telah menguasai ilmu asas berasa bosan dan tidak ambil peduli terhadap PdPC yang disampaikan oleh Ustaz Y. Perkara ini tidak berlaku sepenuhnya di dalam pengajaran guru di lokasi kajian. Sebagai contoh, tiga orang murid perempuan sahaja di sekolah P2 membuktikan situasi PdPC kurang berkesan. Seorang daripada tiga orang murid memiliki kecedasan yang lebih berbanding dua orang rakannya yang lain. Ini menyebabkan pada pemerhatian keempat, pengkaji mendapati murid cerdas lebih banyak menjawab soalan guru dan kelihatan terkehadapan berbanding murid lain menyebabkan ketidakseimbangan PdPC berlaku. Murid yang cerdas ini kelihatan bosan dan selalu menongkat dagu apabila peserta kajian bersoal jawab dalam kelas bersama dua orang rakannya yang lain apabila soalan berulang dilaksanakan oleh guru. Ustaz Z menjelaskan perkara ini sebagai berikut:

*"Memang kalau ustaz nampak dia tu lebih pandai berbanding dua lagi. Tapi dia positif dalam kelas". TB4UZ11P2*

Pada pemerhatian pengkaji juga, walau pun guru Pendidikan Islam berhadapan cabaran dan masalah dalam pendedahan murid dari sekolah rendah, kedua-dua peserta kajian tidak berputus asa untuk mengajar. Kedua-dua peserta kajian kurang menjadikan cabaran yang berlaku sebagai penghalang pengajaran Pendidikan Islam di kawasan pedalaman. Ini dibuktikan melalui temu bual peserta kajian:

*"....saya akan terus mengajar....". TB6UZ11P2.*

Pengkaji turut meminta penjelasan daripada peserta kajian mengenai aras pengajaran guru yang terpaksa direndahkan semasa PdPC. Guru menjelaskan bahawa aras pengajaran yang rendah penting kepada murid di kawasan pedalaman sebagai pengukuhan asas pembelajaran murid di peringkat sekolah menengah. Asas yang rendah ini tidak bermaksud guru mengulang kurikulum sekolah rendah tetapi guru menggunakan pengajaran bersifat mudah. Guru turut menyelit dan mengukuhkan pengetahuan asas yang sepatutnya dikuasai oleh murid ketika di peringkat sekolah rendah. Antara asas-asas tersebut ialah bacaan doa, cara berwuduk, syarat wajib solat, huruf *hijaiyyah* dan sirah Nabi. Ini dibuktikan dalam temu bual bersama Ustaz Y:

*"Kita ingatkan balik benda-benda mudah supaya pelajaq boleh amalkan". TB2UY18P1.*

### **Kurang Penghayatan Agama**

Pemerhatian pengkaji juga mendapati antara kesan berkaitan pendedahan Pendidikan Islam yang kurang di peringkat sekolah rendah adalah penguasaan ilmu kurang berkualiti dalam kalangan murid. Perkara ini menyebabkan murid kurang penghayatan agama yang sempurna. Apabila kurang penghayatan berlaku, pengajaran guru terpaksa dihadkan mengikut kebolehan murid seperti yang berlaku di kedua-dua lokasi kajian. Keadaan ini menyebabkan peserta kajian berhadapan masalah untuk menggunakan amalan pengajaran yang lebih tinggi dan menumpukan pengajaran secara tradisional. Ustaz mempersetujui perkara ini dengan menyatakan:

*"Kat sekolah pedalaman, kita kena tengok kebolehan pelajaq. Kalau kita terpaksa guna kaedah senang ja....nak buat macamana". TB1UY33P1.*

Antara amalan pengajaran melibatkan kaedah mudah yang turut dipersetujui oleh Ustaz Y ialah syarahan sehala, bercerita dan soalan berfokus tunggal. Kaedah bercerita dalam penyampaian ilmu oleh guru memudahkan murid untuk menambahkan maklumat tetapi lebih bersifat tradisional walaupun tujuan utama kaedah bercerita oleh guru bertujuan sebagai pengukuhan pengetahuan murid. Ustaz Y menyatakan:

*"Selain penyampaian, nak bagi pendedahan kepada pelajaq ni senang ja. Kita bercerita sebab bebudak memang kurang pendedahan. Tau la jugak depa (mereka) sikit-sikit". TB1UY23P1.*

Kurang penghayatan agama dalam kalangan murid sekolah pedalaman tidak dapat diukur melalui pandangan mata kasar. Akan tetapi, berdasarkan pemerhatian dan temu bual antara pengkaji dan peserta kajian, perkara ini dapat dilihat dengan lebih jelas lagi berkaitan penghayatan agama yang kurang menjadikan pemahaman murid berkaitan Pendidikan Islam kelihatan cetek. Malah masalah ini menjadikan amalan pengajaran guru tidak mencapai objektif pengajaran yang disasarkan oleh guru semasa PdPC.

Antara penyebab berlaku kurang penghayatan agama di kalangan murid adalah asas-asas yang tidak dibina dengan utuh ketika di sekolah rendah. Perkara ini dilihat membawa kesan kepada murid apabila murid melangkah ke peringkat pendidikan yang lebih tinggi iaitu di sekolah menengah. Kesan ini menyebabkan murid kurang mengamalkan Islam dengan sempurna. Ustaz Y menjelaskan:

*"Ini la masalah bebudak ni ustaz....pembawaan masalah masa sekolah rendah. Bawak ke sekolah menengah". TB5UY06P1.*

Ustaz Z turut menyatakan:

*"Kalau dah tamat masa sekolah, memang urusan masing-masing. Tapi saya tetap nasihat dalam kelas supaya jaga solat. Main bola pakai seluar panjang". TB3UZ19P2.*

Peserta kajian berpendapat, antara penyelesaian terbaik sebagai pengukuhan penghayatan Islam di kalangan murid sekolah pedalaman ialah melalui aktiviti sekolah dan keagamaan yang dianjurkan oleh pihak sekolah dan Panitia Pendidikan Islam. Antara contoh aktiviti panitia yang dianjurkan oleh pihak sekolah P1 adalah Ihya' Ramadhan. Sekolah P2 juga menjalankan program yang sesuai seperti sekolah P1 tetapi aktiviti tersebut dijalankan di peringkat sekolah setiap hari sepanjang bulan Ramadhan. Apabila Ustaz Y ditanya mengenai aktiviti sekolah tersebut yang tidak dijalankan secara penuh seperti di sekolah Ustaz Z, Ustaz Y menyatakan:

*"....sebab saya tinggal kat bandaq (bandar), ustaz. Setiap hari ulang alik....". TB2UY19P1.*

Ini menyebabkan aktiviti seperti Ihya' Ramadhan dilakukan di sekolah P1 dilaksanakan secara berkala sahaja. Program penghayatan bulan Ramadhan tersebut juga tidak dijalankan di surau sekolah sebaliknya di surau kampung yang berdekatan dengan sekolah P1. Walaupun begitu, Ustaz Y akan bertanyakan murid berkaitan kehadiran solat tarawikh, tadarus dan moreh kepada murid pada hari persekolahan dan apabila berjumpa dengan murid ketika di sekolah.

Di sekolah P2, aktiviti sambutan Ihya' Ramadhan dilaksanakan secara penuh di surau sekolah. Aktiviti keagamaan ini dihadiri oleh guru-guru beragama Islam beserta keluarga dan pelajar asrama sendiri. Pelajar harian tidak hadir pada program ini. Ustaz Z menjelaskan bahawa pelajar yang tinggal di luar sekolah bersolat tarawikh di kampung dan jarak perjalanan antara rumah pelajar dan sekolah agak jauh. Kebanyakan murid tinggal di luar tidak berkenderaan untuk melakukan aktiviti di sekolah pada waktu malam. Aktiviti yang dilaksanakan melibatkan gotong royong menyediakan juadah berbuka secara berkumpulan secara berjadual, solat tarawikh serta witir, tadarus al-Quran dan tazkirah ramadhan.

### ***Kurang Asas Kemahiran Al-Quran***

Pemerhatian pengkaji terhadap murid di sekolah P1 mendapati murid yang lemah Pendidikan Islam terdiri daripada murid menengah rendah yang bukan tinggal di asrama. Kebanyakan murid menengah rendah tidak mempunyai kemahiran al-Quran dengan sempurna menyebabkan kesukaran guru untuk mengajar ilmu tajwid, kefahaman ayat, membaca buku teks dan membuat latihan jawi lebih mendalam. Terdapat murid yang langsung tidak mahir al-Quran seperti membaca al-Quran secara bertajwid dan hal ini berpunca daripada kemahiran asas yang kurang terutama ketika di sekolah rendah.

Di sekolah P2, penguasaan yang lemah dalam kalangan murid ketika di sekolah rendah mendatangkan cabaran besar terhadap pengajaran Ustaz Z. Di sekolah P2, murid yang lemah dalam penguasaan perkara-perkara asas dalam Pendidikan terdiri daripada murid harian (bukan penghuni asrama). Kebanyakan murid kurang penguasaan Iqra' dan membaca al-Quran berbanding murid yang tinggal di asrama seperti yang diusahakan oleh Ustaz Z.

Di sekolah pedalaman 2, ketika pengkaji melakukan pemerhatian di dalam bilik agama dan surau, terdapat murid yang langsung tidak menguasai kemahiran membaca al-Quran dan menulis jawi. Murid di sekolah P2 ini sendiri kerap memaklumkan semasa PdPC bahawa apabila di sekolah rendah, memang tidak ada kelas Pendidikan Islam dan guru agama. Hal ini menjadi alasan murid apabila guru bertanya berkaitan penguasaan ilmu yang rendah dalam kalangan murid. Terdapat satu kes unik bahawa kelemahan penguasaan Pendidikan Islam sekolah rendah yang menyebabkan murid kurang kemahiran asas al-Quran kerana tidak mengetahui subjek tersebut.

Oleh yang demikian, antara penyelesaian yang diambil oleh kedua-dua peserta kajian dibahagikan kepada dua inisiatif. Metod penyelesaian pertama ialah bimbingan guru secara menyeluruh semasa guru mengajar kemahiran al-Quran terutama PdPC. Semasa berlaku proses pengajaran tilawah al-Quran, walaupun terdapat murid yang kurang asas dalam bacaan al-Quran, guru tetap meneruskan pengajaran dan mengajar tilawah al-Quran seperti biasa. Namun pengubah suaian pengajaran guru tetap dilakukan. Guru di sekolah P1 mengajar tilawah al-Quran dengan menggunakan bacaan berlagu (tarannum) menggunakan komputer riba. Ustaz Z pula sebaliknya mengajar bidang tilawah al-Quran dengan menggunakan kaedah Iqra'.

Pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji di lokasi kajian semasa penggunaan bacaan berlagu oleh Ustaz Y dan kaedah Iqra' oleh Ustaz Z memberikan kesan kepada murid. Walaupun murid tiada asas yang kuat, pendedahan yang diberikan oleh guru menjadikan murid teruja dan bersemangat untuk terus belajar dan berusaha ingin tahu. Ustaz Y menjelaskan: *"Kita harap dengan pendekatan kita buat, pelajar rasa nak tahu....". TB2UY19P1.*

Penyelesaian ketiga yang diambil oleh peserta kajian dalam menyelesaikan masalah pendedahan Pendidikan Islam yang lemah dalam konteks asas kemahiran al-Quran ialah dengan usaha berterusan dan inisiatif peserta kajian sendiri. Usaha-usaha dan inisiatif yang dilakukan secara berterusan, istiqamah dan bersungguh-sungguh di sekolah pedalaman menjadi satu usaha murni yang sangat baik terhadap perkembangan asas al-Quran kepada murid. Antara contoh usaha berterusan tersebut termasuklah kelas pengajian al-Quran yang dilaksanakan oleh Ustaz Z.

Ustaz Z menganjurkankan kelas al-Quran setiap malam kepada murid yang tinggal di asrama dan bacaan Yaasin pada setiap hari khamis (malam jumaat). Pengajian yang dijalankan antara waktu maghrib dan isya' ini diadakan secara percuma. Terdapat beberapa orang guru lain yang membantu kelas tersebut di surau sekolah namun tidak secara teratur. Ketika pengkaji menjalankan pemerhatian di lokasi kajian, kehadiran murid untuk kelas tersebut bukan sahaja terdiri daripada pelajar asrama sekolah berkenaan. Akan tetapi anak-anak guru dan pelajar sekolah rendah yang berdekatan dengan sekolah turut mengikuti kelas pengajaran al-Quran yang dianjurkan oleh Ustaz Z. Ustaz Z menjelaskan: “....kelas ini tidak ada kehadiran. Cikgu-cikgu lain pun bantu juga. Ini kiranya usaha untuk bantu surau sekolah dan anak-anak guru di sini”. TB2UZ16P2.

Selain itu, antara usaha berterusan yang dijalankan oleh Ustaz Z seperti (1) latihan bersumberkan lembaran kerja, (2) program Ihya' Ramadhan yang dilakukan sepanjang bulan Ramadhan, (3) Klinik al-Quran dan (4) Kem Bestari Solat yang dijalankan secara percuma dengan dibantu oleh guru lain.

Di sekolah P1, aktiviti dakwah secara berterusan yang dilaksanakan oleh guru hanya melibatkan waktu persekolahan dan aktiviti keagamaan yang dianjurkan oleh pihak Panitia Pendidikan Islam sahaja. Ini kerana, Ustaz Y tinggal di bandar berdekatan (15 kilometer) dan berulang alik antara sekolah dan tempat tinggal. Namun, Ustaz Y menjelaskan: “Memang saya ulang alik ustaz setiap hari. Solat Jumaat pun saya di pekan. Yang asrama, saya mintak warden Muslim perhatikan. Kalau yang harian, saya nasihat...pesan...jaga akhlak....”. TB2UY20P1.

Setelah penelitian dilaksanakan mengenai masalah murid pedalaman yang kurang asas al-Quran, kedua-dua peserta kajian turut berkongsi pendapat mengenai jangkaan masa hadapan terhadap perkembangan pendidikan al-Quran di kawasan pedalaman. Ustaz Y menjelaskan:

“Masalah selesai kalau kita terus usaha. Kalu tak memang susah sikit la”. TB6UY08P1.

Dan Ustaz Z turut menyokong pendapat Ustaz Y dengan menyatakan:

“Kita perlu teruskan pengajaran Quran. Kalau nak harapkan orang lain, ya salam (bermaksud ketinggalan) saya rasa....”. TB6UZ10P2.

### **Masalah bahan bantu mengajar (BBM)**

Bahan bantu mengajar (BBM) penting kepada guru dan murid di sekolah sama ada di bandar atau luar bandar. BBM yang digunakan oleh guru dapat menarik minat murid untuk terus belajar terutamanya melibatkan Pendidikan Abad ke-21 (PAK21). Ustaz Y menjelaskan:

“Murid suka masa kita gunakan laptop. Tambah-tambah kalau kita tayang video”. TB1UY19P1.

Manakala Ustaz Z menyatakan:

“Bahan bantu mengajar yang kita gunakan di sekolah pedalaman ni tak perlu hebat. Yang penting murid minat dan nak tahu apa yang kita ajar”. TB1UZ42P2.

Namun, wujud cabaran baharu serta permasalahan BBM dalam konteks amalan pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman. Permasalah yang timbul diperincangkan kepada dua bahagian utama iaitu (1) kekurangan BBM dan (2) BBM yang kurang pelbagai.

### **Kekurangan BBM**

Pemerhatian yang dilakukan di lokasi kajian oleh pengkaji mendapati bahawa kedua-dua buah sekolah tidak mempunyai kuantiti BBM yang stabil dan memuaskan. Kedua-dua peserta kajian menggunakan BBM yang berulang setiap kali PdPC. Pemerhatian pengkaji di lokasi kajian turut tertumpu kepada bahan yang sedia ada yang dimiliki oleh guru. Ustaz Z menyatakan:

“Bahan dalam mata pelajaran tu. Bahan pembelajaran kena banyak lagi. Berbentuk CD ke, ape ke....a....permainan ke....macam dalam bilik agama tu yang ustaz punya tu kot....dam ular tu. Macam tu la tapi nak cari tu kat mana tak tau”. TB1UZ43P2.

Ustaz Z menjelaskan lagi mengenai kekurangan BBM Pendidikan Islam di sekolah P2:

*Pengkaji: Maksud Ustaz ada tapi kurang sempurnalah?*

*Ustaz Z: Macam projector ada. CD sikit untuk Pendidikan Islam. TB1UZ38P2.*

*Pengkaji: CD dan projector ada kat sekolah ni Ustaz untuk Pendidikan Islam?*

*Ustaz Z: Pendidikan Islam tak ada, tapi boleh pinjam la dengan sekolah. TB1UZ39P2.*

Kedua-dua temu bual menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian turut menggunakan BBM yang bersifat berulang. Contohnya buku seperti buku latihan, buku khas jawi, buku teks sekolah serta buku rujukan dan komputer. Kesemua BBM ini digunakan oleh guru ketika mengajar tajuk-tajuk yang berbeza berdasarkan perancangan pengajaran guru. Kekreatifan dan usaha guru untuk mencari alternative pengajaran tidak dapat dirasa oleh pengkaji. Sebagai contoh, Ustaz Z ketika mengajar bab adab menjaga maruah diri tidak menggunakan majalah dan buku sedangkan bahan tersebut ada di rak walaupun dalam kuantiti yang sedikit. Ini kerana pada pemerhatian pengkaji, bahan-bahan tersebut boleh didapati daripada sumber yang mudah seperti surat khabar dan majalah.

Apabila permasalahan ini diperbincangkan antara pengkaji dan peserta kajian, peserta kajian menyatakan bahawa: “*Memang ada majalah kat bilik kaunseling tapi itu aje la*”. TB2UZ18P2.

Dan:

“*Bahan kat perpustakaan ada tapi dari awal taun macam tue jugak*”. TB3UY22P1.

Pendapat kedua-dua peserta kajian terbukti apabila pemerhati di jalankan di bilik Bimbingan dan Kaunseling di sekolah P2 dan perpustakaan di sekolah P1 menunjukkan bahawa BBM yang sesuai dan boleh digunakan oleh guru agama dan murid Islam sangat sedikit dan tidak sesuai. Ini menyebabkan peserta kajian berusaha mempelbagaikan kaedah mengajar, mengoptimumkan penggunaan teknologi maklumat seperti komputer riba, penilaian menggunakan lembaran kerja dan BBM bermodelkan diri sendiri.

Pengkaji juga dapat memerhatikan perbezaan pengajaran guru yang menggunakan BBM dan tanpa menggunakan BBM di kedua-dua sekolah yang dikaji. Sekiranya guru menggunakan BBM, para murid teruja untuk mendapatkan input maklumat daripada guru. Sebaliknya jika guru menggunakan teknik mengajar bersifat tradisional sahaja, para murid akan berasa bosan dan tidak meminati pengajaran guru. Sebagai contoh, semasa pemerhatian pengkaji mengenai BBM yang digunakan oleh Ustaz Z di sekolah P2, pengajaran guru menarik minat murid. Contohnya ketika menyampaikan pengajaran bab Tilawah al-Quran, guru menggunakan bacaan taranum (berlagu) menggunakan komputer peribadi peserta kajian sendiri. Ustaz Y di sekolah P1 menyatakan dalam temu bual:

“*Saya ni tak la sangat pandai baca berlagu ni. .tapi kita pasang ja bacaan taranum kita pun dapat belajaq sama. Kalau tak pun, kita baca, bebudak ikut. Tapi kaedah ni besa sangat dah*”. TB1UY45P1.

### **BBM Kurang Pelbagai**

Pengkaji juga pernah memasuki bilik agama yang diajar oleh Ustaz Z semasa pemerhatian terakhir dalam kajian ini dijalankan. Oleh kerana peserta kajian kurang bersedia untuk mengajar kerana masalah sakit tekak, beliau hanya meminta murid membuat perbincangan di dalam bilik agama. Semasa proses perbincangan antara murid, sumber yang digunakan oleh murid sangat terhad seperti penggunaan buku teks dan buku rujukan semata-mata. Ini menyebabkan murid menyalin isi dan membentangkan hasil perbincangan seperti maklumat yang diperolehi daripada sumber yang dimiliki oleh murid. Pembentangan hasil perbincangan murid menjadi lesu kerana isi pembentangan murid sama seperti dalam buku teks dan buku rujukan. Murid juga menggunakan contoh yang sama daripada sumber-sumber yang digunakan.

Untuk menyelesaikan permasalahan ini, Ustaz Z memberi pandangan supaya BBM diperbanyakkan bagi meningkat dan menarik respon murid di dalam bilik agama supaya terus meminati subjek yang guru ajar. Ustaz Z turut menyatakan bahawa BBM perlu diperbanyakkan walaupun bahan-bahan tersebut tidak mudah diperolehi seperti di tempat lain.

“*...saya akan usaha lagi*”. TB3UY21P1.

Dan:

“*Kita guna model yang ada....baju kita pakai....anggota badan....*”. TB7UZ05P2.

Kenyataan Ustaz Z turut disokong oleh Ustaz Y seperti dalam perbincangan BBM menggunakan model diri sendiri yang diperbincangkan di dapatan kajian bagi soalan kajian pertama iaitu:

*"Tak tahu pun dalam kita dok mengajaq ni ada model diri sendiri. Tak penah pun dengaq. Tapi hari ni ustaz habaq, baru tau. Dapat ilmu baru....alhamdulillah". TB7UY02PI.*

Analisis dokumen yang dijalankan di sekolah P1 dan P2 mendapati BBM yang terdapat di 2 buah sekolah pedalaman tersebut sedikit. Tiga unit dokumen terperinci mengenai BBM yang terdapat di kedua-dua sekolah adalah RPH guru, senarai inventori dan senarai semak BBM yang ada dalam fail panitia.

Dalam RPH kedua-dua peserta kajian, BBM yang digunakan tidak pelbagai dan penggunaan yang berulang-ulang. Antara senarai BBM tersebut adalah buku teks, buku rujukan, buku latihan jawi dan komputer peribadi guru. Dalam penulisan RPH guru yang mengulang-ulang penggunaan BBM ini membuktikan bahawa BBM guru di kedua-dua buah sekolah adalah kurang dan penggunaan yang minimum. Dalam senarai semak di dalam buku rekod harian mengajar guru di sekolah P2 hanya menunjukkan senarai buku-buku yang digunakan manakala guru sekolah P1 tidak menulis sebarang BBM yang digunakan dalam sesi pengajaran dalam pembelajaran.

Dalam fail panitia di sekolah P2 menunjukkan bilangan inventori BBM kurang daripada sepuluh unit. Sebagai contoh buku teks, buku rujukan, koleksi buku Iqra', carta, papan tulis dan buku panduan. Peserta kajian dari sekolah S2 tidak melengkapkan fail panitia tersebut dengan sebarang senarai BBM yang ada, dibeli pada tahun semasa dan rekod penggunaan serta peminjaman BBM. Kuantiti BBM yang terdapat di sekolah P1 dan P2 juga dalam kuantiti yang sedikit mengikut jumlah item BBM yang dicatatkan.

## KESIMPULAN

Setelah merujuk kepada data-data berkaitan cabaran pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman, ternyata tujuan kajian telah dicapai setelah maklumat yang diperlukan dalam kajian ini diperolehi secara lengkap. Oleh demikian, pelbagai pihak termasuk Bahagian Pendidikan Islam (BPI) dan Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) perlu melihat perkara ini dengan lebih rinci terutama bagaimanakah corak yang sesuai dalam pengajaran guru Pendidikan Islam di sekolah pedalaman mengintergrasi KBAT secara berkesan. Antara cadangan pengkaji terhadap BPI dan BPK supaya kedua-dua pihak menyediakan perancangan dan pelaksanaan pengajaran mengintergrasikan KBAT yang sesuai dengan konteks sekolah pedalaman seperti *indigenous pedagogy* (pedagogi pribumi) setara dengan kondisi kawasan kurang beruntung.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri. (2016). Transformasi pendidikan agama dalam pendidikan nasional. Dlm. *Transformasi pendidikan nasional antara aspirasi dan anjakan*. Kuala Lumpur, Penerbitan Universiti Malaya.
- Abd Hadi Borhan. (2016). *Pendekatan dakwah oleh Mohd Fadzli Yusof dalam pengislaman masyarakat non-Muslim di pedalaman pensiangan, Sabah* (Tesis Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ab. Halim Tamuri dan Nur Hanani. (2017). *Pembelajaran abad ke-21 dalam kepelbagaian budaya: Harapan dan cabaran*. Kertas Kerja Ucaputama Seminar Pedagogi Antarabangsa ke-8 (PEDA8) anjuran IPG Ilmu Khas, Kuala Lumpur, Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung dan Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor pada di Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur pada 19 September 2017.
- Abdul Halim, Dayana Farzeeha, Mahani Mokhtar dan Umar Haiyat. (2017). Mathematics teachers' level of knowledge and practise on the implimentation of higher-order thinking skills (HOTS). *Eurasia Journal of Mathematics, Science and Technology Education*, 13(1), 3-17.
- Abu Bakar Nordin. (2016). Strategi transformasi pendidikan nasional dalam pendidikan nasional. Dlm. *Transformasi pendidikan nasional antara aspirasi dan anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Aini Hassan. (2001). Pelbagai kaedah pengutipan dan penganalisisan data pengetahuan guru. Dlm. Marohaini Yusoff. *Penyelidikan kualitatif pengalaman kerja lapangan kajian*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ainun Rahmah Iberahim, Zamri Mahamod dan Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2017). *Pembelajaran abad ke-21 dan pengaruhnya terhadap sikap, motivasi dan pencapaian Bahasa Melayu pelajar sekolah menengah*. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 77-88.
- Anida Sarudin, Husna Faredza, Adenan Ayob dan Zuraini Ramli. (2018). Pengamalan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pedagogi Bahasa Melayu berdasarkan pengukuran cort (*Cognitive Research Trust*). *Journal of Global Business and Entrepreneurship (GBSE)*, 4(11), 134-150.
- Bogdan, R. C. and Biklen, S. K. (1998). *Qualitative research of education: An introduction to theory and method* (3<sup>rd</sup> Ed.). Boston: Allyn and Bacon.

- Fadhilah Razali, Nurashimah dan Rafisah Osman. (2017). *Kefahaman guru pada pelaksanaan kurikulum 2013 dalam membuat modul pembelajaran di SMKN 3 Kota Banda Aceh*. Kertas kerja dibentangkan semasa Proceeding of ICSoTL 2017.
- Halim Arifin. (2013). *Kemahiran berfikir dalam pengajaran pemahaman bacaan* (Tesis Doktor Falsafah). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hasnah Isnon dan Jamaludin Badusah. (2017). Kompetensi guru Bahasa Melayu dalam menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(1), 56-65.
- Hazri Jamil, Rohani Arbaa dan Mohammad Zohir Ahmad. (2017). Exploring the malaysian rural school teachers' professional local knowledge in enhancing students' thinking skills. *Journal of Education and Learning*. 6(2), 25-40.
- Hussein Ahmad (2016). Anjakan Paradigma ke Arah Transformasi Pendidikan Nasional. Dalam *Pendidikan Nasional dalam Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Hussein Ahmad dan Mohammed Sani (2016). Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan. Dalam *Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ibrahim Hashim dan Misnan Jemali (2017). Key Aspects of Current Educational Reforms in Islamic Educational Schools. *Global Journals al- Thaqafah*. 7(1), 49-57.
- Inkeles, A. and Smith D. H. (1974). *Becoming Modern: Individual Change in Six Developing Countries*. Cambridge: Harvard University Press.
- Jawatankuasa Penyelidikan Pendidikan Islam. (2018). *Laporan kajian keberkesanan kurikulum mata pelajaran Pendidikan Islam bagi menghadapi cabaran masa kini*. Kuala Lumpur: Penerbit Institut Kemajuan Islam Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi dan Ab Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014). *Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Aplikasi di Sekolah*. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2014a). *Buku Dasar Elemen Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (Pedagogi)*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017a). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Pendidikan Islam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017b). *Laporan tahunan 2017 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017c). *Panduan penggunaan buku-buku kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2017d). *Dasar pendidikan kebangsaan*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2018). *Quick Facts 2018 Malaysia Educational Statistics*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan.
- Merriam, S. B. (1998). *Case Study Research in Education: A Qualitative Approach*. New York: John Wiley and Sons Inc.
- Merriam, S.B. (2001). *Qualitative Research and Case Study Applications in Education* (2nd Ed.). San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M. B. and Huberman, A. M. (1984). *Qualitative Data Analysis: A Sourcebook of New Methods*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Mohamad Maliki Ali, Maimun Aqsha Lubis dan Mohd Aderi Che Noh. (2018). Keberkesanan pengajaran kurikulum akidah dalam Pendidikan Islam berdasarkan kemahiran berfikir analitikal di sekolah menengah. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 2(2), 15-34.
- Mohd Aderi Che Noh, Mohd Talhah Ajmain dan Engku Zarihan Engku Abdul Rahman (2017). Teachers' Practise of Higher Order Thinking Skills in the Lesson of Islamic Education. *Tinta Artikulasi Membina Ummah*. 3(2), 1-13.
- Mohd Syaubari dan Ahmad Yunus (2017). Amalan Penggunaan Bantu Mengajar (BBM) Menerusi Pengintergrasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam Sekolah Rendah Negeri Perak. *Journal of Islamic Educational Research*. 2(1), 1-14.
- Mohd Zaidi Bin Mohd Zeki, Nurulaini Moshidi dan Samsul Bin Juwait (2017). *Teori Malakah dan Tadrij dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pedalaman*. Kertas kerja dibentangkan semasa Seminar Isu-Isu Pendidikan Kebangsaan di Kolej Universiti Islam Selangor, Selangor pada 3 Mei.

- Mohd Zaidi Bin Mohd Zeki (2016). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pedalaman*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Zaidi Bin Mohd Zeki (2016). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pedalaman*. Disertasi Sarjana. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd Zaidi Bin Mohd Zeki, Mohd Faisal Bin Mohammad dan Nurulaini Moshidi (2016). *Masalah dalam Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Pedalaman*. Kertas Kerja dibentang semasa Seminar Pendidikan dan Psikologi Antarabangsa di Universiti Malaysia Sabah pada 17 Oktober.
- Mohd Zaidi Bin Mohd Zeki dan Mohd Faisal dan Nurulaini (2014). *Kertas Kerja Konsep Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Pedalaman*. Kertas kerja dibentang di Seminar Serantau Pendidikan Holistik di Universitas Riau, Indonesia pada 1-3 September.
- Patton, M. Q. (1990). *Qualitative Research and Evaluation Method* (2nd Ed.). Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Rajendran N. S. (2017). *Pengajaran dan Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Teori & Amalan*. Tanjung Malim, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Razila Kasmin, Mohd Faiz, Noraizan Mohsin, Norliza Kila dan Mashita Abu Hassan. (2019). Amalan kualiti guru dalam kalangan guru Pendidikan Islam di sekolah kebangsaan. *Journal of Management and Operation Research*, 1(4), 1-23.
- Rohani Arbaa, Hazri Jamil dan Mohammad Zohir Ahmad (2017). Model Bersepadu Kemahiran Abad ke-21 dalam Pengajaran dan Pembelajaran. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 42(1), 1-11.
- Simin Ghavifekr, Sufean Hussin dan Muhammad Faizal A. Ghani (2011). The Process of Malaysian Smart School Policy Cycle: A Qualitative Analysis. *Journal of Research and Reflections in Education*. 5(2), 83 -104.
- Siti Aminah (2016). Inovasi dalam Pembelajaran Pendidikan Islam: Efektivitas Penggunaan *Fun Card* sebagai Media Pembelajaran dalam Meningkatkan Motivasi Belajar, Keaktifan Diri, dan Hasil Belajar Peserta Didik. *Mimbar Pendidikan*. 1(2), 201-212.
- Strauss, A. and Corbin, J. (1998). *Basics of Qualitative Research: Techniques and Procedures for Developing Grounded Theory* (2nd ed). Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Sufean Hussin (2002). *Kualiti Pengajaran-pembelajaran dan Keberkesanan Sekolah: Kerangka dan Model Untuk Penyelidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sufean Hussin (2014). Kertas Ucaputama: *Cabar Menyeluruh dalam Pelaksanaan Transformasi Pendidikan untuk Masa Depan Malaysia*. Seminar Transformasi Pendidikan Nasional, 9-10 Mei.
- Sufean Hussin (2016). Transformasi Pendidikan: Cabaran Pelaksanaan. *Dalam Transformasi Pendidikan Nasional Antara Aspirasi dan Anjakan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Surat Siaran Jabatan Pendidikan Negeri Sabah Bilangan 1 Tahun 2017; *Pemakluman Keputusan Kategori Pedalaman Sekolah Berhubung Elaun Khas Mengikut Lokasi Dan Tahap Kesukaran (EKMLTK) Bagi Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Dan Anggota Kumpulan Pelaksana Di Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Yang Berkhidmat Di Sekolah Pedalaman*.
- Zakaria Abdullah dan Kamarul Azmi Jasmi. (2018). *Pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pendekatan berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan*. Johor: Penerbitan Universiti Teknologi Malaysia.
- Zulkiple Abd Ghani, Noor Azizi dan Adnan Mohd. Yusof (2016). *Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM): Cabaran dan Hala Tuju* dalam Prosiding Seminar Pendidikan Islam sepanjang Hayat Peringkat Nasional 2015: Isu dan Cabaran. Negeri Sembilan: Penerbitan Universiti Sains Islam Malaysia.